

## RAGAM-RAGAM BAHASA MURUT DI SABAH

SAIDATUL NORRIS HJ. MAHALI  
[saidatul@ums.edu.my](mailto:saidatul@ums.edu.my)

### ABSTRAK

Rencamnya bahasa yang dituturkan di Sabah menyediakan ruang luas untuk diteliti oleh para pengkaji. Orang-orang Murut terdapat di Sabah, di Sarawak dan di Kalimantan. Di Sabah, etnik Murut terbahagi kepada 10 kelompok berbeza dan ragam dialek Murut yang dituturkan juga berlainan, maka tulisan ini hanya akan ditumpukan kepada 10 subetnik berbeza, yakni Murut Timugon, Tagol, Nabaai, Paluan, Bookan, Kolor, Binta, Okolod, Serudung dan Tangara yang terdapat di Sabah. Penelitian awal ini telah dilaksanakan di 10 buah kampung di dalam Daerah Keningau, Sabah serta melibatkan 10 orang informan Murut. Senarai 100 kata Swadesh diguna untuk menyemak perbezaan dan persamaan antara setiap ragam Murut. Kemudian, pendekatan struktural telah diguna untuk meneroka leksikal dan inventori fonem ragam Murut yang belum diketahui oleh ramai penutur bahasa di Malaysia. Kesemua leksikal juga disemak untuk tujuan perbandingan antara kesemua ragam berkenaan dengan bahasa Austronesia Purba (BAP). Penelitian awal ini merumuskan jumlah fonem yang berbeza antara setiap ragam Murut. Selain itu, dikesan juga ikatan kognat antara ragam Murut dengan BAP yang bersifat serumpun. Sehubungan itu, dapatan dini ini diharap berupaya menggambarkan struktur asas ragam-ragam bahasa Murut serta memperkenalkan bahasa Murut Sabah kepada khalayak besar penutur bahasa di Malaysia.

**Kata Kunci:** Inventori Fonem; Kognat Bahasa; Murut; Perbandingan Fonem; Sabah

### ABSTRACT

The diversity of language spoken in Sabah provides a vast space for researchers to delve into. Murut peoples found in Sabah, Sarawak and Kalimantan. In Sabah, the Murut is divided into 10 different subgroups, each with its own dialectical variations. This writing will concentrate on 10 distinct sub-ethnic groups namely Murut Timugon, Tagol, Nabaai, Paluan, Bookan, Kolor, Binta, Okolod, Serudung, and Tangara. Initial research has been conducted in 10 villages within the Keningau District, Sabah, involving 10 Murut informants. A list of 100 Swadesh words was used to examine the distinctions and similarities between each Murut variant. A structural approach was then employed to explore the lexical and phonemic inventory of Murut varieties. All lexical items were also checked for the purpose of comparing these variants with the Proto Austronesian language (BAP). This preliminary research provides an overview of the number of different phonemes that distinguish each Murut variation. Murut variants and the BAP were also shown to have cognate. Therefore, these early findings are expected to depict the basic structure of Murut varieties and introduce the Sabah Murut language to a larger audience of speakers in Malaysia.

**Keywords:** Phoneme Inventory; Language Cognates; Murut; Phoneme Comparison; Sabah

## PENGENALAN

Sebagai etnik ke-3 terbesar, Murut bersama etnik Kadazandusun dan Bajau telah mencorakkan kepelbagaian bahasa di Sabah. Ethnologue dan Glottolog telah menyenaraikan pelbagai nama untuk merujuk kumpulan ini yang kesemuanya berada di bawah Rumpun Besar Bahasa Murut. Secara umum, orang-orang Murut dikelompokkan kepada 10 kumpulan, iaitu Tagol/Tahol; Timugon; Paluan; Nabaii; Baukan/Bookan; Tangala; Okolod/Kolor; Binta; Serudung; Tangara. Ethnologue menjelaskan kepelbagaian ragam dalam bahasa Murut bukanlah suatu perkara asing kerana mereka mendiami kawasan-kawasan berbeza. Keragaman itu menyebabkan mereka juga dikenali dengan pelbagai nama panggilan berdasarkan lokasi kediaman. Pengklasifikasian sedemikian membuktikan mereka bersebaran di seluruh Borneo.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) merekodkan populasi Murut di Sabah seramai 102,393 orang. Sebanyak 83% daripada mereka mendiami kawasan Pedalaman Sabah. Pada tahun berkenaan sebanyak 29,169 orang Murut dilaporkan di daerah Tenom. Di daerah Nabawan/Pensiangan sejumlah 25,096 orang, di daerah Keningau pula seramai 29,682 orang dan di Tambunan sebanyak 446 orang. Keseluruhan etnik Murut di keempat-empat daerah ini berjumlah 84,393 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010: 45). Statistik berkenaan bukanlah yang terkini, dan pastilah populasi mereka telah berkembang biak menjadi lebih ramai, namun pada Banci Penduduk tahun 2020 tidak dibahagikan populasi daerah mengikut kumpulan etnik. Oleh itu, sukar untuk menentukan jumlah sebenar mereka ketika ini.

Ethnologue menerangkan bahawa bahasa Murut sedang ditimpa ancaman kepunahan, malah bahasa ini disenaraikan dalam kategori terancam [Endangered (EGIDS 6b-9)]. Bermaksud, perlu ada usaha untuk membaharui dan memulihara bahasa Murut daripada terus terancam dan hilang bersama edaran masa. Ancaman terhadap kepunahan bahasa Murut terjadi kerana kurangnya kajian yang dilakukan terhadap ragam-ragam bahasa ini. Ancaman itu ditambah pula oleh pendedahan kepada bahasa-bahasa lain melalui sistem pendidikan seperti penggunaan bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi luas.

## PENGAJIAN MURUT DI SABAH

Tidak dinafikan terdapat banyak kajian terhadap etnik Murut yang telah dilaksanakan oleh para Sarjana, walau bagaimanapun pengkajian berkenaan tidak mengkhusus kepada satu bidang, sebaliknya ia merata kepada pelbagai bidang. Penerbitan awal mengenai linguistik Murut telah dimulakan oleh Pollard (1933;1935) dengan menghimpunkan leksikal asas, kemudian Southwell (1949) dan Bolang & Harrisson (1949) yang menumpukan kepada perbezaan terhadap istilah Murut di Sabah dan Sarawak. Southwell (1949) pula memfokuskan tentang tatabahasa asas Murut. Terdapat juga nota-nota pendek yang dihimpun oleh Summer Institute of Linguistic Malaysia. Antara bahan-bahan kosa ilmu berhubung kait dengan Murut adalah Baboneau & Woolley (1922); Bolang & Harrisson (1949); Prentice (1965,1969,1971,1995); Omar (1983); Spitzack (1984); Brewis, R. (1988,2002); Harris (1990); Brewis & Levinson (1991); Cohen (1999); Majius, et al. (2004); Coluzzi (2010); Lobel (2013,2016); Townsend (2017); Bating et al. (2018); Adrianus, et al. (2018); Abdul Wahab (2021); dan Mahali et al. (2022a;2022b) mengkhusus terhadap aspek-aspek asas linguistik Murut.

Prentice (1969) mendapati Murut Timugon mempunyai empat fonem vokal dan 13 fonem konsonan. Omar (1983) pula mencatatkan sebanyak enam vokal dan 17 konsonan, Townsend (2017) merumuskan Murut Serudung memiliki lima fonem vokal dan 17 fonem

konsonan. Bating et al. (2018) pula mendapati wujud empat fonem vokal dan 15 fonem konsonan dalam bahasa Murut Tagol sedangkan bagi bahasa Murut Timugon mempunyai 17 fonem konsonan dan empat fonem vokal. Mahali et. al (2022) mendapati terdapat 15 fonem konsonan dan empat fonem vokal Murut. Kesemua hasil kajian berkenaan memaparkan perbezaan jumlah konsonan dan vokal dalam bahasa Murut. Hal sedemikian berlaku kerana bahasa Murut memiliki beberapa ragam dan pastilah jumlah konsonan dan vokalnya berbeza berasaskan ragamnya. Spitzack (1984) juga merupakan pengkaji awal tentang bahasa Murut. Tulisannya berupa kajian perbandingan parameter leksikostatistik dan kesalingfahaman antara leksikal-leksikal Murut di Sabah dan di Kalimantan. Kajian itu merumuskan bahawa dialek Murut dapat diklasifikasikan kepada 16 dialek Murut Utara dan lima dialek Murut Timur.

Dengan memanfaatkan senarai 200 perkataan Swadesh, Abdul Wahab (2021) melaksanakan penelitian terhadap ikatan kekeluargaan bahasa Murut Tahol dan bahasa Melayu. Hubungan dilihat daripada aspek kognat kata antara kedua-dua bahasa, didapati bahawa perkaitan antara kedua-dua bahasa itu hanyalah bersifat bahasa serumpun sahaja. Inventori bahasa Murut dan leksikal asas bahasa Murut di daerah Keningau, Sabah juga telah dikongsi melalui kajian Mahali et al. (2022a) yang melibatkan penutur remaja Murut di daerah berkenaan. Selain itu, terdapat satu lagi kajian terhadap peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat ini juga telah dilakukan oleh Mahali et al. (2022b) yang mendapati bahawa bahasa Murut sedang beranjak ke arah terancam kerana para penutur mudanya sudah ramai yang kurang fasih berbahasa Murut. Mereka menyedari keadaan itu namun mereka menegaskan perlu untuk mereka menggunakan bahasa selain Murut untuk tuntutan pembelajaran dan sosialisasi dengan individu yang bukan daripada kumpulan etnik yang sama.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Keluasan wilayah Sabah dan dihuni oleh lebih daripada 35 kumpulan etnik menampilkan jumlah bahasa yang banyak menyebabkan terdapat bahasa-bahasa etnik yang terpinggir daripada laluan selidikan kerana dominasi bahasa-bahasa etnik tertentu. Hakikatnya, banyak lagi bahasa etnik yang masih belum diteliti sepenuhnya dan bahasa-bahasa berkenaan semakin menghilang daripada tuturan penduduknya. Bahasa Murut merupakan salah satu bahasa etnik yang memiliki pelbagai ragam. Bahasa ini dikesan dituturkan di Pedalaman Sabah meliputi daerah Keningau dan Tenom. Meskipun demikian, penutur-penutur ragam Murut lain turut dikesan di banyak daerah lain di Sabah. Glottolog telah membahagikan penutur-penutur ragam Murut kepada tiga Keluarga Bahasa utama di bahawa Rumpun Murutik, iaitu Murut Utara, Murut Timur dan Abai Tubu-Abai Sembuak. Keragaman sedemikian umumnya masih belum didokumentasikan sepenuhnya. Keluarga bahasa Murut sedang berada di zon kecemasan kerana kebanyakan dialeknya sedang berada di dalam zon kepupusan.

Tidak dinafikan terdapat penelitian-penelitian yang telah dilakukan terhadap bahasa Murut, namun penelitian sebelumnya lebih tertumpu kepada kumpulan penutur bahasa dominan seperti Timugon dan Tahol, sedangkan terdapat 16 ragam bahasa di bawah Rumpun Murutik. Jumlah itu bukanlah kecil dan upaya penelitian berterusan perlu dilaksanakan segera kerana ragam-ragam Murut itu sedang diterobosi oleh bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan diajar secara rasmi dalam sistem Pendidikan Malaysia. Selain itu, bahasa Sabah juga dengan tegar diguna sebagai bahasa inter dan intra etnik yang secara deras meniadakan ragam-ragam etnik. Para penutur muda lebih selesa bertutur dalam bahasa Sabah kerana ia memiliki elemen Melayu yang difahami secara meluas di Sabah. Justeru itu, semua ragam bahasa Murut perlu diteliti agar ia dapat dilestarikan kepada generasi berikut.

Tambahan itu, kurangnya penelitian terhadap semua ragam Murut menyebabkan para pengkaji kurang mengetahui jumlah sebenar inventori fonemnya serta struktur asas ragam-ragam Murut. Adalah tidak adil kepada seluruh penutur ragam Murut, sekiranya hanya satu ragam inventori fonem sahaja yang direkodkan sebagai mewakili seluruh jumlah fonem ragam Murut. Seajar itu, maka penelitian awal ini diusahakan agar 10 ragam bahasa Murut dapat direkodkan secara bertulis agar ia dapat dijadikan sebagai rujukan. Perbandingan leksikal Murut dengan Bahasa Austronesia Purba (\*BAP) dilaksanakan untuk meneroka perbezaan dan persamaan antara ragam Murut. Proses pepadanan ini juga bertujuan untuk mengetahui kedudukan bahasa ini dalam keluarga besar \*BAP.

## METODOLOGI KAJIAN

Tulisan ini merupakan hasil daripada kajian kualitatif untuk meneliti dan menganalisa data yang telah dikumpul daripada lapangan. Tiga kaedah telah digunakan untuk mengumpul data, iaitu data temu bual, pemerhatian dan kaedah pustaka. Rujukan sumber bertulis seperti bahan-bahasa daripada jurnal, buku ilmiah, nota-nota catatan/dokumen daripada sumber arkib dan sumber pustaka khusus untuk mencari maklumat-maklumat berhubung dengan aspek linguistik etnik Murut. Proses pengumpulan data adalah menerusi kajian lapangan. Data yang dikutip di lapangan merupakan sumber utama dan primer kerana ia dibuat secara langsung dengan para informan yang terdiri daripada individu-individu yang berketurunan Murut dan menuturkan bahasa berkenaan dengan fasih. Bagi mendapatkan data lisan berkenaan maka teknik temu bual dilakukan bersekali dengan teknik pemerhatian. Temu bual dilaksanakan secara tidak berstruktur, ia dilaksanakan sedemikian untuk membolehkan para informan bertutur secara santai dan menjawab soalan-soalan atau bercerita mengenai topik yang ingin dikisahkan tanpa berasa tertekan atau terpaksa. Semua proses temu bual dirakam untuk mengumpul data lisan dari lokasi kajian. Teknik rakaman diguna untuk merekodkan semua ujaran lisan yang berkait tentang cerita rakyat, isu kemudahan sosial, isu persekitaran dan pelbagai topik bebas lain yang disampaikan tanpa struktur. Kesemua data rakaman tidak berstruktur itu merupakan data mentah yang penting untuk proses pentranskripsian fonetik yang kemudiannya dianalisis dan dibincang secara deskriptif struktural.

Kawasan kajian ditentukan berdasarkan dominasi kesemua ragam tutur bahasa Murut. Pemilihan dibuat selepas berbincang dengan ketua etnik yang mewakili setiap ragam berkenaan dan mereka dihubungi menerusi persatuan etnik Murut. Selepas berbincang, para ketua etnik kemudiannya telah menyenaraikan nama-nama informan yang fasih berbahasa ragam Murut dan sesuai untuk ditemu bual. Sebanyak lapan daerah di Sabah disenaraikan sebagai ditempati dan didominasi oleh setiap ragam bahasa Murut dan sepuluh daerah dinamakan sebagai lokasi bagi kajian ini. Semua daerah dan nama-nama kampung berkenaan dapat diteliti sepertimana Jadual 1 berikut.

JADUAL 1. Kawasan Kajian yang didominasi oleh Etnik Murut

Bil	Nama Daerah	Nama Kampung	Jumlah Informan
1	Tenom	Makakumpai	5 orang
2	Nabawan	Murni C	5 orang
3	Sook	Bunang Laut	5 orang
4	Keningau	Patikang Laut	5 orang
5	Sipitang	Pengarawan	5 orang
6	Beaufort	Taman Sri Panglima	5 orang

7	Tongod	Inarad	5 orang
8	Tawau	Serudung Lama	5 orang

Jadual 1 di atas memaparkan lokasi kajian yang terdiri daripada 10 buah kampung yang didominasi oleh etnik Murut, iaitu Patikang Laut, Keningau; Makakumpai, Tenom; Murni C, Nabawan; Bunang Laut, Sook; Inarad, Tongod; Pengarawan Sipitang; Taman Sri Panglima, Beaufort; dan Serudung Lama, Tawau. Seramai lima orang informan dipilih dari setiap kampung untuk mewakili setiap ragam bahasa berkenaan, termasuk ketua etnik bagi mewakili setiap variasi ragam bahasa Murut. Mereka dipilih daripada kalangan penutur generasi dewasa yang masih tegar menuturkan bahasa Murut dan berusia sekitar 45-70 tahun. Mereka terdiri daripada individu yang aktif dan berwibawa dalam masyarakat yang diwakili, yakni mereka terdiri daripada kalangan anggota persatuan setiap ragam etnik Murut. Individu-individu berkenaan dipilih kerana mereka membekalkan maklumat terperinci mengenai kumpulan masing-masing dan mereka juga merupakan antara ahli masyarakat yang tegar memperjuangkan keperluan memelihara dan menuturkan bahasa etnik untuk tujuan pelestarian kepada generasi berikutnya.

Kesemua data rakaman ditranskripsi dan semua leksikal juga melalui proses transkripsi fonetik untuk tujuan mengenal pasti aspek-aspek fonologi bahasa ini. Selain itu, data turut dikutip berasaskan senarai 100 kata Swadesh untuk tujuan perbandingan dengan bahasa Austronesia purba (\*BAP). Kesemua senarai kata itu kemudiannya dianalisis dan diperincikan secara deskriptif struktural. Untuk konteks kerja lapangan ini, hanya dua instrumen yang digunakan, iaitu alat perakam dan buku catatan yang digunakan untuk mencatat semua perkara yang diperhatikan semasa temu bual dan teknik pemerhatian dilaksanakan. Berasaskan data 100 kata Swadesh yang telah dikumpul maka dibandingkan dengan 10 ragam bahasa Murut. Analisis dibuat untuk mengenal pasti inventori fonem dan aspek fonologinya termasuklah penyebaran fonem berkenaan. Perkara ini perlu kerana belum terdapat sebarang dokumentasi mengenai 10 ragam bahasa Murut dan penyebaran fonem-fonem berkenaan. Hasil analisis ditunjukkan dalam paparan jumlah fonem serta penyebarannya sama ada di hadapan, tengah atau akhir kata.

Selain itu, data turut dianalisis menggunakan kaedah perbandingan sejarawi untuk meneliti keterikatan ragam-ragam bahasa Murut dengan bahasa Austronesia purba. Analisis perbandingan sejarawi ini penting untuk diketahui kerana ia merupakan struktur dalaman bagi bahasa-bahasa di bawah rumpun Austronesia (Adelaar, 1992), namun aspek paling utama untuk diketahui adalah hubungan keseasalan bahasa Murut dengan bahasa Austronesia purba. Oleh yang demikian, kaedah analisis perbandingan sejarawi itu berpada dan bersesuaian untuk menjelaskan perkara berkenaan.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Inventori Fonem Ragam-Ragam Bahasa Murut**

Hasil analisis data senarai 100 kata Swadesh daripada 10 ragam bahasa Murut, maka diperolehi kesemua fonem dalam ragam bahasa ini sepertimana paparan Jadual 1 berikut.

JADUAL 1. *Inventori Fonem Ragam-Ragam Murut di Sabah*

No.	Ragam Murut	Jumlah Vokal	Konsonan	Jumlah konsonan
1	Timugon	a,i,o,u	p,b,t,d,k,g,ʔ,l,m,n,ŋ,r,s,w,y	[15]
2	Tagol	a,i,o,u,e	p,b,t,d,k,g,h,l,m,n,ŋ,s,v,w,y	[15]
3	Nabaii	a,i,o,u,e	p,b,t,d,j,k,g,ʔ,l,m,n,ŋ,r,s,w,y	[16]
4	Bookan	a,i,o,u,e	p,b,t,d,j,k,g,l,m,n,ŋ,r,s,w,y	[15]
5	Paluan	a,i,o,u,e	p,b,t,d,k,g,l,m,n,ŋ,r,s,v,w,y	[15]
6	Kolor	a,i,o,u,e	p,b,t,d,k,g,h,j,l,m,n,ŋ,r,s,w,y	[16]
7	Binta	a,i,o,u,e	p,b,t,d,k,g,j,l,m,n,ŋ,r,s,w,y	[15]
8	Okolod	a,i,o,u,e	p,b,t,d,k,g,f,l,m,n,ŋ,r,s,w,y	[15]
9	Serudung	a,i,o,u,e	p,b,t,d,j,k,g,ʔ,l,m,n,ŋ,r,s,w,y	[16]
10	Tangala	a,i,o,u,e	p,b,t,d,k,g,l,m,n,ŋ,s,w,y	[13]

Jadual 1 memaparkan jumlah fonem bagi setiap ragam Murut. Kedudukan setiap fonem berkenaan dapat dilihat sebagaimana paparan Jadual-Jadual berikut.

JADUAL 2. *Penyebaran Vokal /a/ pada Kedudukan Kata Semua Ragam Murut*

Ragam Murut	taburan vokal /a/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Atur		Mawaar		Malia'	
Tagol	Atur		Aawar		Alia	
Nabaii	Atud		Mawad		Maria'	
Bookan	atud	lutud	masawat	panjang	maria	merah
Paluan	Atur		Aawar		Alia	
Kolor	Atur		Aawar		Alia	
Binta	Atud		Mawad		Malia	
Okolod	Atud		Abuat		Alia	
Serudung	atud		abuat		alaang	
Tangala	Atud		asawat		alia	

Jadual 2 di atas memapar kehadiran fonem vokal /a/ di semua kedudukan kata dalam semua ragam bahasa Murut.

JADUAL 3. *Penyebaran Vokal /i/ pada Kedudukan Kata Semua Ragam Murut*

Ragam Murut	Taburan vokal /i/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Inum		Lisun		Apui	
Tagol	Anginum		Lisun		Apui	
Nabaii	MangInum		Lisun		Apui	
Bookan	manginum		lisun		apui	
Paluan	Anginum	minum	Lisun	asap	Apui	api
Kolor	Anginum		Lisun		Apui	
Binta	Inum		Lisun		apui	
Okolod	Inum		lisun		Afui	
Serudung	Anginum		lisun		apui	
Tangala	Anginum		lison		Apoi	

Jadual 3 pula menunjukkan bahawa vokal /i/ hadir di semua posisi kata. Seperkara yang menarik adalah kehadiran penanda kata kerja /ang-/ dan /mang-/ pada ragam-ragam Murut kecuali bagi Timugon, Binta dan Okolod.

JADUAL 4. *Penyebaran Vokal /o/ pada Kedudukan Kata Semua Ragam Murut*

Ragam Murut	Taburan vokal /o/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	orow	adik	Ripon		Mato	
Tagol	onsoi	baik	Ripon		Mato	
Nabaii	Okkou	kamu	Dipon		Mato	
Bookan	oko	kamu	ripin		mato	
Paluan	okou	kamu	Ripon	gigi	Mato	mata
Kolor	onsoi	baik	Ripon		Mato	
Binta	Okow	kamu	Dipon		Mato	
Okolod	oko	Kamu	Difon		Mato	
Serudung	oloong	tidur	nipon		mato	
Tangala	oloh	kepala	dipon		mato	

Jadual 4 memperlihatkan fonem /o/ pada kedudukan kata tengah dan akhir bagi semua bahasa dengan contoh sama. Walau bagaimanapun, untuk kedudukan awal kata, contoh yang ditunjukkan adalah pelbagai namun masih berhasil membuktikan kehadiran /o/ di awal kata.

JADUAL 5. *Penyebaran Vokal /u/ pada Kedudukan Kata Semua Ragam Murut*

Ragam Murut	taburan vokal /u/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Ulu		Abuk		Bulu	
Tagol	Ulu'		Avuk		Vuluh	
Nabaii	Ulu		Abuk		Bulu	
Bookan	ulu		abuk		bulu	
Paluan	Ulu	kepala	Avuk	rambut	Bulu	bulu
Kolor	Ulu		Abuk		Bulu	
Binta	Ulu		Abuk		Bulu	
Okolod	Ulu		Abuk		Bulu	
Serudung	ulu		abuk		bulu	
Tangala	uat	urat	abuk		bulu	

JADUAL 6. *Penyebaran Vokal /e/ pada Kedudukan Kata Semua Ragam Murut*

Ragam Murut	Taburan vokal /e/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	-		-		-	
Tagol	-		-		Alie	adik
Nabaii	Eku		-		-	
Bookan	eko		-		tenee	perut
Paluan	Eku	ekor	-		laie	lihat
Kolor	Eku		-		Alie	
Binta	Eku		-		Alie	adik
Okolod	Eku		-		Alie	
Serudung	Eko'		-		alie	
Tangala	eko		-		-	

Vokal /e/ dalam bahasa ini hanya hadir di posisi awal kata bagi kesemua ragam Murut kecuali ragam Timugon dan Tagol. Tidak terdapat sebarang persebaran vokal /e/ di posisi tengah kata, manaka di posisi akhir kata pula dikesan kehadirannya pada semua ragam kecuali ragam Timugon, Nabaii dan Tangala.

JADUAL 7. *Penyebaran Konsonan Letupan /p/ pada Kedudukan kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /p/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Puun		Ripon		-	
Tagol	Puun		Ripon		-	
Nabaii	Puun		Dipon		-	
Bookan	poon		dipon		kilop	kilat
Paluan	Puun	pokok	Ripon	gigi	-	
Kolor	Puun		Ripon		-	
Binta	Puun		Dipon		-	
Okolod	Fuun		Difon		-	
Serudung	puun		nipon		-	
Tangala	pon		Dipon		kilop	kilat

Konsonan /p/ didapati hadir di posisi awal dan tengah kata. Hanya ragam Bookan serta Tangala sahaja yang menunjukkan kehadiran konsonan /p/ di akhir kata. Seperkara yang menarik, ragam Okolod mendedahkan kewujudan fonem /f/ sebagai penggantian kepada fonem /p/.

JADUAL 8. *Penyebaran Konsonan Letupan /b/ pada Kedudukan kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /b/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Butitin		Kabang	mulut	-	
Tagol	butitin		ambolong	tidur	-	
Nabaii	Butitin		kabang	mulut	-	
Bookan	butitin		kabang	mulut	-	
Paluan	Butitin	bintang	ambolong	tidur	-	
Kolor	Butitin		kabang	mulut	-	
Binta	Butitin		kabang	mulut	-	
Okolod	Butitin		kabang	mulut	-	
Serudung	butitin		kabang	mulut	-	
Tangala	butitin		kabang	mulut	-	

JADUAL 9. *Penyebaran Konsonan Letupan /t/ pada Kedudukan kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /t/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Talu		Mato		Papait	
Tagol	Talu		Mato		papait	
Nabaii	Talu	telur	Mato	mata	Pait	ikan
Bookan	talun		mato		pepeet	
Paluan	Talu		Mato		Papait	
Kolor	Talu		Mato		Pait	



Binta	Talu	Mato	Pipit
Okolod	Taluh	Mato	Fait
Serudung	Talu'	mato	pepeet
Tangala	talu	Mato	pait

JADUAL 10. *Penyebaran Konsonan Letupan /d/ pada Kedudukan kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /d/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	daraa	darah	Rondom		-	
Tagol	-		Londom		-	
Nabaii	daasam	hujan	Mondom	malam	atud	lutut
Bookan	dumasam	hujan	mondom		atud	lutut
Paluan	dila	lidah	Londom		-	
Kolor	-		Londom		-	
Binta	dalan	jalan	rondom		atud	
Okolod	dasam	hujan	tudung	duduk	atud	
Serudung	Dila'	lidah	Dada'	darah	atud	lutut
Tangala	dumasam	hujan	Londom	malam	atud	

Fonem /d/ memaparkan hanya ragam Nabaii, Bookan, Binta, Okolod, Serudung dan Tangala ada di posisi akhir kata, manakala fonem itu tersebar di seluruh tengah kata dan hanya ragam Tagol serta Kolor sahaja yang tidak memperlihatkan kewujudan fonem itu di awal kata.

JADUAL 11. *Penyebaran Konsonan Letupan /k/ pada Kedudukan kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /k/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Kabang		Bakag		abuk	
Tagol	Kavang		Vakat		avuk	
Nabaii	Kabang		Bakat		Abuk	
Bookan	kabang		bakat		abuk	
Paluan	Kavang	mulut	Bakat	akar	Avuk	rambut
Kolor	Kabang		Bakat		abuk	
Binta	Kabang		bakag		Abuk	
Okolod	Kabang		Bakag		Abuk	
Serudung	kabang		bakat		abuk	
Tangala	kabang		Bakat		abuk	

JADUAL 12. *Penyebaran Konsonan Letupan /g/ pada Kedudukan kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /g/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	gino	itu	Agis		Liog	
Tagol	hanit	kilat	Ahis		Lioh	
Nabaii	gitu	bercakap	Agis		Liog	
Bookan	goon	awan	agis		liog	
Paluan	gitu	bercakap	Agis	pasir	Liog	leher
Kolor	ganit	kilat	Agis		Liog	
Binta	ganit	kilat	Agis		Liog	
Okolod	ganit	kilat	Agis		Liog	
Serudung	-	-	nagis		Popolog	burung
Tangala	gino	itu	agis		liog	leher

JADUAL 13. *Penyebaran Konsonan Letupan /ʔ/ pada Kedudukan kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /ʔ/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	-		-		Uku'	anjing
Tagol	-		-		Ulu'	kepala
Nabaii	-		-		-	
Bookan	-		-		-	
Paluan	-		-		-	
Kolor	-		-		-	
Binta	-		-		-	
Okolod	-		-		-	
Serudung	-		-		Aka'	abang
Tangala	-		-		-	

Jadual 13 mempamerkan ketidakhadiran fonem glotal pada semua posisi kata bagi semua ragam Murut kecuali hanya pada posisi akhir kata bagi ragam Murut Timugon dan Tahol sahaja. Jadual berkenaan menunjukkan fonem glotal bukanlah suatu fonem yang tersebar luas dalam bahasa ini.

JADUAL 14. *Penyebaran Konsonan Nasal /m/ Pada Kedudukan Kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /m/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Mato		limbawo	bahu	inum	
Tagol	Mato		limbawo		aginum	
Nabaii	Mato		limbawoh		manginum	
Bookan	mato		limbawo		manginum	
Paluan	Mato	mata	sumuku	datang	Anginum	minum
Kolor	Mato		limbawo		anginum	
Binta	Mato		limbawo		inum	
Okolod	Mato		limawo		Inum	
Serudung	mato		sumalit	berenang	anginum	
Tangala	mato		limbawou		Anginum	

Jadual 14 memaparkan penyebaran konsonan /m/ dalam posisi kata. Fonem /m/ dalam semua ragam Murut hanya hadir di kedudukan awal dan akhir kata dan tidak memperlihatkan kewujudannya di tengah kata.

JADUAL 15. *Penyebaran Konsonan Nasal /n/ Pada Kedudukan Kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /g/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	nakapandai	tahu	Salindu	kuku	Ingalan	nama
Tagol	navolou	buta	Sandilu	Kuku	Inggalan	Nama
Nabaii	nala	itu	Salindu	Kuku	Ngaran	Nama
Bookan	nobolou	buta	salindu	Kuku	ngaran	Nama
Paluan	noro	itu	Salindu	Kuku	Ingalan	Nama
Kolor	napandai	tahu	Sandilu	Kuku	Inggalan	Nama
Binta	-	-	salindu	Kuku	Inggalan	Nama
Okolod	nawala	buta	Saniluh	kuku	Ngalan	Nama
Serudung	nobolou	buta	Andung	hidung	inggaran	Nama
Tangala	-	itu	Salindu	kuku	galan	nama

Jadual 15 pula memperlihatkan penyebaran konsonan /n/ dalam posisi kata. Fonem /n/ dalam semua ragam Murut hadir di serata kedudukan kata. Analisis itu membuktikan bahawa fonem /n/ merupakan fonem popular dalam ragam-ragam Murut.

JADUAL 16. *Penyebaran Konsonan Nasal /ŋ/ Pada Kedudukan Kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /ŋ/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	Ngai'	semua	angkayau	hati	Arung	
Tagol	-		Angakan		Arung	
Nabaii	Nga'ngai	semua	Mangkan		adung	
Bookan	Ngee	semua	mangkan		adung	
Paluan	-	-	Angakan	makan	arung	hidung
Kolor	-	-	Angakan		Arung	
Binta	Ngaie	semua	Angakan		arung	
Okolod	-	-	Angakan		adung	
Serudung	-	-	angakan		andung	
Tangala	ngulun	siapa	angakan		adong	

Konsonan /ŋ/ menunjukkan pelbagai sebarannya. Fonem /ŋ/ muncul di posisi tengah dan akhir bagi semua ragam, tetapi bagi ragam Tagol, Paluan, Kolor, dan Okolod didapati tiada kehadiran fonem berkenaan.

JADUAL 17. *Penyebaran Konsonan Sisian/Lateral /l/ Pada Kedudukan Kata*

Ragam Murut	Taburan vokal /l/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	lisun		Ulun		Makapal	
Tagol	lisun		Ulun		Akapal	
Nabaii	lisun		Ulun		Makapal	
Bookan	lisun		ulun		makapal	
Paluan	lisun	asap	Ulun	orang	anunsul	Tebal
Kolor	lisun		Ulun		akapal	
Binta	Lisun		Ulun		makapal	
Okolod	Lisun		Ulun		akafal	
Serudung	lisun		ulun		akapal	
Tangala	lison		olon		kual	daging

JADUAL 18. *Penyebaran Konsonan Letusan /j/ Pada Kedudukan Kata*

Ragam Murut	Taburan konsonan /j/ pada kedudukan kata					
	awal	makna	Tengah	makna	akhir	makna
Timugon	-		-		-	
Tagol	-		-		-	
Nabaii	-		-		-	
Bookan	-		-		-	
Paluan	-		-		-	
Kolor	-		Ajamol	kotor	-	
Binta	-		-		-	
Okolod	-		-		-	
Serudung	-		-		-	
Tangala	-		-		-	

Jadual 18 pula memperlihatkan konsonan letusan /j/ hanya wujud dalam ragam Kolor dan fonem hanya hadir di kedudukan tengah kata sahaja. Berkemungkinan fonem letusan itu merupakan fonem pinjaman ke dalam ragam Murut Kolor.

